

22/02/2004

Anak bekas pemimpin Pas Kelantan sertai Umno

BACHOK: Perjuangan Pas di Kelantan menerima tamparan hebat apabila salah seorang anak bekas pemimpin tertinggi parti itu menyertai Umno semalam.

Mohd Khairul Anam, 22, anak bekas Ketua Penerangan Pas Kelantan yang juga bekas Ahli Parlimen Pas Bachok, Allahyarham Buniyamin Yaakob meninggalkan perjuangan parti itu yang menjadi `darah daging' keluarganya.

Beliau berkata, hasratnya menyertai perjuangan Umno sudah lama terpendam terutama selepas ayahnya meninggal dunia.

Katanya, sejak ayahnya meninggal dunia, pemimpin Pas di negeri ini tidak mengambil tahu, malah jarang menjenguk untuk bertanya khabar berhubung masalah yang dihadapi keluarganya.

Beliau yang melahirkan rasa sedihnya kerana mengenangkan nasib ibunya, Sundusiyah Omar Salleh, 46, yang kini terlantar sakit di rumah dan tidak mendapat pembelaan sewajarnya daripada pemimpin kerajaan negeri.

"Abah (Buniyamin) banyak berjuang dan jasanya bersama Pas, tetapi tidak ada apa yang diperoleh... di mana susah dan senang terpaksa dilakukan sendiri.

"Selepas abah meninggal dunia pula, tidak ada pemimpin Pas termasuk muslimatnya yang datang menjenguk kami sekeluarga dan segala hal terpaksa diuruskan adik beradik... ini yang mendukacitakan saya, lebih-lebih lagi apabila mengenangkan perjuangan abah ketika bersama Pas suatu ketika dulu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menerima kunjungan dan penyerahan borang kemasukan ke dalam Umno kepada Timbalan Ketua Penaja Umno Bahagian Bachok yang juga Pengerusi Penyelaras Dewan Undangan Negeri (Dun) Jelawat, Datuk Dr Ilias Hussin, di rumahnya di Kampung Keting, Gunung, dekat sini, semalam.

Allahyarham Buniyamin Yaakob meninggal dunia pada 13 Februari 2003 lalu di Hospital Kota Bharu (HKB), di Kota Bharu, akibat sakit buah pinggang dan meninggalkan dua balu, Sundusiyah dan Norhayati Ibrahim, 37, serta lapan anak.

Nama Allahyarham menjadi tumpuan sebelum ini, berikutan pendakwaan ke atasnya berhubung satu ceramah di Pusat Tarbiah Islamiah Kelantan (Putik) Pengkalan Chepa kerana mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad menonton video lucah bersama cucunya.

Mohd Khairul Anam, anak keenam daripada lapan beradik itu, berkata selain beliau, beberapa ahli keluarganya yang lain mungkin turut sama mengikut jejak langkahnya untuk menyertai Umno.

"Pada saya, adik beradik saya semuanya sudah matang dan mereka boleh berfikir sendiri mana yang baik atau buruk. Saya boleh menyertai Umno, mengapa mereka tidak boleh dan keputusan ini saya serah kepada mereka untuk menilainya," katanya.

Katanya, bagi membuktikan kejujuran bersama Umno, dia sanggup memikul tugas menyampaikan ceramah dan penerangan kepada orang ramai khususnya di kawasan Parlimen ini berhubung sikap sebenar dan dasar perjuangan Pas.